

14/11/1998

Ahli perlu utamakan perjuangan parti

PEMILIHAN pucuk pimpinan Umno akan diadakan Jun depan. Ramai sudah menyatakan kesediaan bertanding merebut jawatan penting parti. Umno tidak pernah menghalang ahlinya merebut apa jua jawatan asalkan mematuhi perlembagaan. Ahli juga bebas menyatakan sokongan terbuka kepada mana-mana calon. Ini kerana Umno berpegang kuat kepada amalan demokrasi dalam memilih pemimpin. Lebih penting bagi Umno dan orang Melayu ialah mereka yang dipilih nanti bukan sekadar popular tetapi jujur, berwibawa, bertokoh dan disenangi ramai bagi memperjuangkan matlamat dan menentukan hala tuju parti.

Menjelang pemilihan kali ini, calon yang bertanding sama ada muka baru atau lama sudah mula berkempen menagih sokongan. Majlis pertemuan secara terbuka atau tertutup dengan calon dianjurkan. Di samping menjadikannya medan mengenali lebih ahli dan penyokong, majlis itu juga membolehkan calon mengutarakan wawasan bernas memajukan Umno jika terpilih memegang jawatan penting. Umno sendiri menganggap pertemuan sebegitu adalah pendekatan sihat dan sesuai dengan amalan politik demokrasi asalkan diadakan dalam suasana tertib, sopan dan mengikut kebiasaan adab bermajlis - bukan gelanggalang mencera, mencaci dan mendedahkan keburukan lawan. Ini kerana Umno bimbang hujah itu kelak boleh dijadikan senjata oleh parti lawan menyerang Umno semula. Justeru, mereka yang bertanding janganlah membuat tohmahan semata-mata untuk meraih sokongan.

Di sebalik keghairahan memulakan kempen sekarang, perlu diakui walaupun belum sampai ke peringkat terancam, Umno kini menghadapi serangan hebat luar dan dalam berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pelbagai usaha dibuat oleh penyokong Anwar dan mereka yang bersimpati dengan beliau memecah-belahkan kekuatan Umno lebih-lebih lagi pimpinan parti. Banyak tuduhan, fitnah dan tohmahan dilemparkan. Selain risalah, Internet menjadi instrumen utama menyerang Umno dari semua sudut. Dakyah disebar bagi mengikis kepercayaan dan kesetiaan ahli dan orang ramai kepada Umno dan Barisan Nasional (BN). Sana-sini majlis, taklimat dan penerangan terbuka dianjurkan secara agresif oleh pembangkang bagi memperkecilkan kewibawaan dan merendahkan imej Umno serta BN. Mereka juga melakukannya secara senyap-senyap dengan mengembleng tenaga meramaikan ahli. Mereka terus menonjolkan berulang kali pelbagai isu mengenai Anwar walaupun ada yang remeh termasuk menggunakan khutbah mencaci Umno. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden dikecam segala tindakannya terhadap Anwar walaupun apa yang dilakukan beliau demi mempertahankan dan menyelamatkan kuasa politik orang Melayu yang selama ini didukung Umno. Dalam banyak perkara, Presiden sendiri terpaksa membuat pelbagai penjelasan berhubung isu itu berbanding pemimpin tertinggi Umno lain.

Berbanding parti lawan itu, Umno khususnya pucuk pimpinan semua peringkat dikatakan tidak nampak banyak melakukan usaha menangkis tohmahan dan menjelaskan yang sebenar. Walaupun ada, ia tidak secara bersepadu dan menyeluruh menggunakan segala instrumen maklumat termasuk jentera kekuatan dalam Wanita mahupun Pemuda. Dua sayap parti itu sewajarnya melipatgandakan usaha menterjemahkan pelbagai program memperkukuhkan Umno termasuk kempen menambah keahlian. Tidak ketertaluan jika dikatakan semua kerja ini banyak dipertanggungjawabkan kepada biro penerangan manakala yang lain tidak mengendahnya. Ketika isu pindaan Perlembagaan hangat diperbincangkan, semua peringkat dalam Umno berjaya membantu menjelaskan kepada rakyat termasuk dari rumah ke rumah berhubung kedudukan raja-raja.

Kali ini, tindakan sama juga sepatutnya dilaksanakan semula. Sebagai parti utama dan tulang belakang kerajaan, Umno memikul tanggungjawab sepenuhnya terhadap masa depan negara. Jika Malaysia berjaya mencipta nama, ahli Ummolah berhak berbangga. Jika gagal, Umno tetap akan dikaitkan. Pemimpin semua peringkat dan ahlinya pasti sedar hakikat ini.

Atas kesedaran itulah mereka mesti akur bahawa perjuangan parti adalah lebih besar daripada perjuangan mana-mana individu dalam Umno. Walaupun tarikh pertandingan semakin hampir, tempoh itu tidak seharusnya ditumpukan kepada berkempen saja. Sebaliknya usaha bersepadu mesti dibuat bagi merapatkan semula bibit-bibit keretakan yang tidak dapat tidak memang berlaku berikutan isu pemecatan Anwar. Kita tidak mahu isu itu akan lebih membebankan lagi jika timbul pula pergolakan baru dalam parti disebabkan pertandingan jawatan tertinggi kali ini yang boleh mencetuskan kempen keterlaluan. Justeru, mereka yang akan bertanding mesti mengelakkan kegiatan berpolitik berlebihan. Walaupun ramai yakin pertandingan tidak menyebabkan Umno berpecah, dibimbangi sikap ambil mudah dalam menangani isu semasa ini akhirnya boleh menjadikan Umno hilang kuasa.

(END)